

Pertumbuhan ekonomi 4-5%
Utusan Online
22 Ogos, 2012
Oleh TOREK SULONG

BACHOK 21 Ogos - Bank Negara Malaysia (BNM) menasaskan pertumbuhan ekonomi negara pada skala di antara empat hingga lima peratus setahun dalam tempoh tiga tahun berturut-turut termasuk kedudukan yang stabil dan mapan mulai tahun depan.

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Dr. Awang Adek Hussin berkata, pencapaian itu amat penting untuk mencapai status negara maju menjelang 2020 menerusi pelbagai pencernaan transformasi ekonomi yang dilaksanakan oleh kerajaan.

"Kita yakin angka itu dapat dicapai berasaskan pencapaian lima peratus dalam suku kedua sebagaimana yang diumumkan minggu lalu," katanya kepada pemberita pada majlis Rumah Terbuka Aidilfitri di Perupuk di sini hari ini.

Lebih 20,000 penduduk dari kawasan Parlimen Bachok yang terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat termasuk kaum petani dan nelayan menghadiri majlis tersebut.

Sehubungan itu, Awang Adek berkata, belanjawan yang sedang dirangka untuk dibentangkan pada akhir bulan depan akan menjurus ke arah pertumbuhan itu termasuk mengambil kira kebajikan dan pembelaan yang diperlukan oleh rakyat.

Selain itu, katanya, ia juga adalah antara usaha untuk menghadapi kekangan kemelut ekonomi dunia yang masih tidak menentu supaya ia tidak memberi kesan besar terhadap pemantulan atau lonjakan pertumbuhan ekonomi negara.

"Ia berteraskan pada kegiatan ekonomi dalam dan luar negara yang mesti dijana secara terancang dan berterusan. Setakat ini kerajaan berjaya membawa negara berada dalam keadaan ekonomi yang stabil," katanya.

Sementara itu, Awang Adek menafikan dakwaan sesetengah pihak kononnya pembentangan Belanjawan 2013 kali ini berasaskan kepentingan Barisan Nasional (BN) untuk menghadapi pilihan raya akan datang.

Katanya, belanjawan yang bakal dibentangkan nanti tidak mempunyai kaitan dengan pilihan raya, sebaliknya ia berasaskan kepada kepentingan dan masa depan ekonomi negara.

"Secara telus, Belanjawan 2013 tidak boleh dipolitikkan dengan menganggapnya sebagai modal politik kerajaan. Ia telah dirangka dengan teliti dan sebaik mungkin semata-mata untuk kepentingan negara dan rakyat," katanya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source: http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20120822/dn_01/Pertumbuhan-ekonomi-4-5